



TOKIO MARINE

# Tokio Marine Life

## Laporan Prestasi Dana **2010**

Bagi Tahun Berakhir 31 Desember

Dana Asia Jade

Dana Asia TriMax

Dana AsiaPartner Bond

Dana Asia Orient

Dana AsiaPartner Enterprise

Dana AsiaPartner Managed

*Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.*

# Kandungan

				<b>Nota daripada Ketua Pegawai Eksekutif</b>	<b>70</b>
				<b>Ulasan Pasaran</b>	<b>72</b>
				• Pasaran Ekuiti	
				• Pasaran Bon	
				• Ulasan Dana Asia TriMax dan Dana Asia Jade	
				<b>Prospek Pelaburan</b>	<b>75</b>
				• Pasaran Ekuiti	
				• Pasaran Bon	
<b>Dana Asia Jade</b>	<b>77</b>	<b>Dana Asia Orient</b>	<b>79</b>	<b>Dana Asia TriMax</b>	<b>82</b>
• Objektif Dana		• Objektif Dana		• Objektif Dana	
• Prestasi Dana		• Prestasi Dana		• Prestasi Dana	
• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010		• Pelaburan Mengikut Jenis Aset		• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010	
• Jadual Perbandingan Prestasi		• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010		• Jadual Perbandingan Prestasi	
		• Jadual Perbandingan Prestasi			
<b>Dana AsiaPartner Enterprise</b>	<b>84</b>	<b>Dana AsiaPartner Bond</b>	<b>89</b>	<b>Dana AsiaPartner Managed</b>	<b>93</b>
• Objektif Dana		• Objektif Dana		• Objektif Dana	
• Prestasi Dana		• Prestasi Dana		• Prestasi Dana	
• Pelaburan Mengikut Jenis Aset		• Pelaburan Mengikut Jenis Aset		• Pelaburan Mengikut Jenis Aset	
• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010		• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010		• Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010	
• Jadual Perbandingan Prestasi		• Jadual Perbandingan Prestasi		• Jadual Perbandingan Prestasi	
<b>Dana Asia Jade</b>		Penyata Aset dan Liabiliti	<b>96</b>	Nota-nota Penyata Kewangan	<b>117</b>
<b>Dana Asia Orient</b>		Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	<b>102</b>	Penyata Pengurus	<b>134</b>
<b>Dana Asia TriMax</b>		Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	<b>108</b>	Laporan Juruaudit Bebas	<b>135</b>
<b>Dana AsiaPartner Enterprise</b>		Penyata Aliran Tunai	<b>111</b>		
<b>Dana AsiaPartner Bond</b>					
<b>Dana AsiaPartner Managed</b>					

# Laporan Prestasi Dana 2010

# Nota daripada Ketua Pegawai Eksekutif

## Pemegang Polisi,

Di luar jangkaan kami, tahun 2010 menunjukkan pertumbuhan positif bagi pasaran dalam negara dan pasaran serantau. Peningkatan bagi sentimen-sentimen dirangsangkan oleh sekumpulan faktor yang mengakibatkan pertumbuhan pasaran ekuiti yang belum pernah berlaku. KLCI mencatat peningkatan tinggi iaitu 1,532 mata pada 10 November, 7 mata melebihi rekod terdahulu iaitu 1,525 pada 14 Januari 2008.

Di dalam peningkatan dinamik ini, cabaran kami adalah untuk sentiasa peka kepada kemungkinan pertumbuhan baru dan kami sangat gembira untuk merekod pencapaian tersendiri dalam usaha berkenaan.

## Pasaran Ekuiti

KLCI telah mencatat peningkatan kukuh sebanyak 19.3% pada tahun 2010, sementara nilai pasaran Bursa telah meningkat sebanyak RM257 bilion kepada RM1,257 trilion (+25.7%). Pencapaian ini disebabkan oleh pengaliran dana ke rantau ini dengan nilai Dolar Amerika yang semakin lemah. Harga komoditi dan tenaga juga turut meningkat kerana para pelabur mencari pengukuhan di dalam kelas-kelas aset alternatif. Pemacu utama bagi pasaran ekuiti yang positif adalah peningkatan jangkaan pendapatan dalam sektor bernilai tinggi dan pengumuman beberapa siri berita positif oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib berkaitan inisiatif-inisiatif pelbagai dasar, seperti Program Transformasi Kerajaan, Pelan Malaysia Ke-10 dan Bajet 2011, sepanjang tahun ini.

Selepas permulaan yang agak perlahan, dana asing beralih kepada pembeli bersih di Malaysia pada bulan Jun dan keadaan ini telah berterusan sehingga bulan Disember. Untuk tahun tersebut, sejumlah RM15.2 bilion dana aliran asing telah memasuki pasaran tempatan, ini meningkatkan pemilikan ekuiti asing kepada 22.1% setakat akhir bulan November 2010 - pencapaian tertinggi semenjak bulan Julai 2008.

Mengikuti sektor, sektor-sektor yang didorong oleh permintaan domestik seperti pembinaan dan hartanah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2010, begitu juga bagi sektor perladangan serta minyak dan gas. Menjelang akhir tahun aliran berita terbaru mengenai perbankan tanah dan menjelang akhir tahun cadangan M&A bagi tiga pemaju utama juga telah membantu di dalam penarafan semula sektor berkenaan.

## Pasaran Bon

Keluk hasil bagi Pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) mengalami penurunan yang selari pada tahun 2010 walaupun Bank Negara Malaysia telah meningkatkan OPR sebanyak 75bps kepada 2.75% dalam tahun tersebut.

Ini telah didorong terutamanya oleh aliran dana asing yang kukuh terhadap pasaran-pasaran baru, termasuk Malaysia, sementara kadar faedah tertekan di negara-negara G3. Dengan peluang untuk melabur di dalam aset berhasil tinggi dan bersandarkan kepada Ringgit yang semakin kukuh, dana asing tertarik untuk meningkatkan pelaburan mereka di dalam bon yang berdenominasikan Ringgit.

Pasaran MGS mengalami kecenderungan yang positif dari bulan Mac hingga September 2010 dan menunjukkan pencapaian yang kukuh bagi keseluruhan tahun 2010 secara amnya. Kaedah hasil bagi tanda aras MGS 3, 5, dan 10 tahun jatuh sebanyak 12.1 bps, 40.4 bps dan 24.8 bps kepada 3.119%, 3.387% dan 4.038% masing-masing (sumber : Bank Negara Malaysia).

Tahun 2010 menyaksikan penguasaan bon jaminan kerajaan dan bon bertaraf AAA bertentangan dengan pasaran bon korporat utama yang sunyi sebagai kesan daripada pemindahan daripada pendanaan pasaran bon kepada pasaran pinjaman korporat. Walau bagaimanapun, kecairan bon korporat adalah tinggi di dalam pasaran sekunder sepanjang tahun berikut, dengan perhatian tertumpu terutamanya pada segmen yang selamat seperti syarikat berkaitan kerajaan dan bon bertaraf AAA. Pasaran bon korporat menunjukkan pencapaian baik sepanjang tahun disebabkan oleh peningkatan selera risiko para pelabur dan dasar kredit yang meningkat, disokong oleh pemulihan ekonomi.

## Ulasan prestasi dana Tokio Marine life

Bersamaan dengan naikan am bagi pasaran ekuiti di Asia di luar Jepun, kebanyakan dana kami melaporkan pulangan yang positif:

- Nilai aset bersih (NAV) bagi Dana AsiaPartner Enterprise meningkat sebanyak 20.2% daripada 1.5866 pada akhir tahun 2009 kepada RM1.9076 pada akhir tahun 2010.

- Nilai aset bersih (NAV) Dana AsiaPartner Bond meningkat daripada RM1.3123 pada akhir tahun 2009 kepada RM1.3952 pada akhir tahun 2010, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.3% bagi tahun tersebut .
- Dana AsiaPartner Managed ditutup pada RM1.7371 daripada RM1.4901 pada akhir tahun 2009, mencatatkan +16.6% pada tahun tersebut.
- Nilai aset bersih (NAV) bagi Dana Asia Orient meningkat sebanyak 4.5% daripada RM1.0836 pada akhir tahun 2009 kepada RM1.1328 pada akhir tahun 2010.
- Nilai aset bersih (NAV) bagi Dana Asia TriMax meningkat daripada RM0.9823 kepada RM1.0072 untuk tahun kalendar 2010.
- Nilai aset bersih (NAV) bagi Dana Asia Jade meningkat daripada RM0.9637 kepada RM0.9924 untuk tahun kalendar 2010.

## Prospek Pasaran

Secara domestik, kami menjangka momentum positif akan berterusan di dalam sentimen pasaran dengan Ringgit yang lebih kukuh, pemilikan dana asing yang rendah dan latar belakang makro yang sihat bersandarkan oleh penilaian munasabah ditambah dengan berita mengenai pilihanraya. Secara global, kami mendapati bahawa kecairan semakin tertumpu di rantau ini disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata dan polisi kewangan G3 yang sangat akomodatif. Walaupun kami mesti terus berwaspada terhadap risiko seperti ini pembalikan aliran dana yang mungkin berlaku semasa selera risiko global jatuh atau kos bagi kecairan meningkat, konsensus am menunjukkan bahawa dengan persekitaran makro yang bercapuk di US dan maka jangkaan untuk rangsangan polisi berterusan, serta kemasukan aliran dana yang berterusan, pertumbuhan dan momentum berkemungkinan akan berterusan pada 6 bulan pertama tahun 2011.

Dana Kewangan Antarabangsa menjangkakan pertumbuhan GDP global akan meningkat kira-kira 4.4% pada tahun 2011. Sedangkan Zon Eropah terus memberi tumpuan kepada pengurangan defisit untuk membaikpulih kredibiliti mereka, US dan Jepun akan memberi tumpuan kepada polisi untuk menghidupkan semula pertumbuhan mereka. Kami menjangka kadar faedah di negara-negara maju akan kekal di paras rendah, dengan ekuiti terus menunjukkan peningkatan bersandarkan kecairan yang kukuh, pertumbuhan pendapatan korporat yang kukuh, dan juga penilaian ekuiti yang menarik.

Di dalam pasaran bon, walaupun wujudnya kebimbangan terhadap bekalan bon kerajaan yang tinggi akibat pembiayaan defisit dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di 2H2011 yang mungkin memberi kesan negatif terhadap pasaran bon secara keseluruhannya, kami berharap aliran masuk dana asing yang berterusan ke rantau Asia, termasuk Malaysia, bersandarkan kepada persekitaran kadar faedah yang rendah di Negara-negara G3 dan matawang tempatan yang kukuh, akan dapat mengurangkan sebahagian impak negatif bagi isu-isu yang telah dinyatakan.

## Strategi Pelaburan

Secara keseluruhan, kami menjangka KLCI akan terus meningkat, walaupun kemeruapan kekal tinggi, kerana aliran modal adalah sanga sensitif kepada perubahan dalam penilaian risiko pelabur. Maka, strategi kami adalah untuk mencari syarikat-syarikat yang bagus, yang telah membuktikan ketahanan mereka semasa kerentanan pasaran.

Kami berpandangan positif dengan prospek pasaran Asia yang bersandarkan kepada pertumbuhan pendapatan korporat yang teguh, aliran portfolio asing yang kuat, penilaian-penilaian yang agak menarik setra kunci kira-kira korporat yang kukuh. Kami akan terus mencari peluang pada syarikat yang mempunyai pertumbuhan pendapatan yang baik, kadar penilaian yang menarik dan telah membuktikan ketahanan mereka semasa kerentanan pasaran.

Untuk pasaran bon korporat, selepas tahun yang agak sunyi, kami menjangka bekalan bon akan meningkat pada tahun 2011 dengan pelaksanaan pelbagai projek yang telah diumumkan semasa Pelan Malaysia Ke-10, Bajet 2011 dan Program Transformasi Ekonomi. Di samping bekalan yang lebih tinggi dan kemungkinan kenaikan kadar faedah pada 2H2011, kami berpendapat bahawa permintaan bon korporat akan mendapat sokongan yang kuat dengan peningkatan selera risiko yang lebih baik oleh para pelabur dan asas kredit yang meningkat.

Menuju ke hadapan, kami akan terus mencari bon korporat yang memberi kaedah yang menarik tanpa mengeneipkan kualiti kredit.

Untuk menyambut permulaan bagi tahun yang mencabar, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada anda kerana memilih Tokio Marine Life sebagai rakan kongsi pelaburan. Semoga anda menikmati satu tahun yang dilipahi kesihatan, kegembiraan dan kemakmuran!

### Mr. Kenneth Wong

Ketua Pegawai Eksekutif

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

# Ulasan Pasaran

## Malaysia – Pasaran Ekuiti

KLCI mencapai keuntungan sebanyak 19.3% pada tahun 2010 manakala nilai pasaran Bursa meningkat RM257 bilion kepada RM1,257 trilion (+25.7%), menjadikan tahun 2010 sebagai tahun dengan pulangan yang kukuh. Apa yang telah dijangkakan sebagai tahun yang mencabar untuk ekuiti Malaysia di tengah-tengah ketidakpastian global, bertukar menjadi kenaikan yang lebih curam, akibat kecairan dana yang menguasai rantau ini dengan Dolar Amerika yang semakin lemah dan selepas petunjuk bagi dos kedua pada QE US. KLCI telah mencecah ke tahap tertinggi baru kepada 1,532 mata pada 10 November, 7 mata di atas rekod sebelumnya sebanyak 1,525 pada 14 Januari 2008. Harga komoditi dan tenaga juga turut meningkat kerana para pelabur mencari pengukuhan di dalam kelas-kelas aset alternatif.

Juga menyokong proses penarafan semula merupakan sekumpulan faktor domestik yang telah membantu untuk merangsang sentimen. Antara pemacu utama adalah peningkatan pendapatan berterusan yang dikukuhkan oleh sektor bernilai tinggi dan pengumuman beberapa siri berita positif oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib berkaitan inisiatif-inisiatif pelbagai dasar (Program Transformasi Kerajaan dilancarkan pada Januari, pengumuman Pelan Malaysia Ke-10 pada Jun, pelancaran Program Transformasi Ekonomi pada September dan perbentangan Bajet 2011 pada Oktober) dan M&As korporat (RM77 bilion : tertinggi semenjak 2007). Dana asing beralih kepada pembeli bersih di Malaysia pada bulan Jun dan perkara ini telah berterusan sehingga bulan Disember. Untuk tahun tersebut, sejumlah RM15.2 bilion dana aliran asing telah memasuki pasaran tempatan, ini meningkatkan pemilikan ekuiti asing kepada 22.1% setakat akhir bulan November 2010 - pencapaian tertinggi semenjak bulan Julai 2008.

Walaupun keadaan agak tersekat-sekat, Malaysia telah mendapat pencapaian baik pada tahun 2010 - tempat kelima bagi pencapaian pasaran terbaik di Asia di luar Jepun, selepas pasaran TIP (Thailand, Indonesia dan Filipina) dan Korea, dengan kenaikan sebanyak +19% pada tahun 2010 (+30% pada asas diubah USD) bersandarkan +45% peningkatan pada 2009. Di samping kenaikan semula yang kukuh pada tahun 2009, pasaran TIP menunjukkan satu lagi tahun pemulihan yang kukuh. Malah, mereka telah melebihi pencapaian tinggi pada lewat tahun 2007 - awal 2008 sebelum krisis.

Mengikuti sektor, tahun 2010 menunjukkan perubahan fokus kepada sektor-sektor yang didorong oleh permintaan domestik seperti pembinaan dan hartanah, dan semakin meningkat menjelang akhir tahun 2010 kepada perladangan serta minyak dan gas. Bank telah mencapai pertumbuhan kuat selepas tiga kali pusingan kenaikan OPR BNM yang terakhir pada bulan Julai. Stok hartanah menjalar naik kerana pelabur tidak menghiraukan tanda aras BNM terhadap nisbah pinjaman kepada nilai dan terus memberikan momentum yang kuat bagi penjualan hartanah. Aliran berita terbaru mengenai perbankan tanah dan cadangan M&A bagi tiga pemaju utama juga telah membantu di dalam penarafan semula sektor berkenaan

## Malaysia - Pasaran Bon

Walaupun OPR telah dinaikkan sebanyak 75 bps oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2010, keluk hasil MGS pada akhir bulan Disember 2010 adalah lebih rendah daripada permulaan tahun berkenaan. Keluk hasil yang mendarat didorong terutamanya oleh aliran dana asing yang kukuh terhadap pasaran-pasaran baru, termasuk Malaysia, biarpun persekitaran kadar faedah tertekan di negara-negara G3. Didorong oleh prospek bagi aset yang berhasil tinggi dan peluang untuk mendapat manfaat daripada pengukuhan berterusan nilai Ringgit kepada USD, dana asing tertarik untuk meningkatkan pelaburan mereka di dalam bon yang berdenominasi Ringgit, lebih-lebih lagi di dalam Pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS).

Pasaran MGS mengalami kecenderungan yang positif dari bulan Mac hingga September 2010 bersandarkan kepada permintaan luar negara yang kukuh. Walaupun aktiviti-aktiviti mengambil keuntungan, peningkatan selera risiko dan pengeluaran kalendar lelongan bon kerajaan 2011 yang menunjukkan kepada lebih banyak lelongan MGS, menyekat peningkatan pada 4Q2010, pasaran MGS menunjukkan pencapaian baik bagi keseluruhan tahun 2010 secara amnya, di mana hasil bagi tanda aras MGS 3, 5, dan 10 tahun jatuh sebanyak 12.1 bps, 40.4 bps dan 24.8 bps kepada 3.119%, 3.387% dan 4.038% masing-masing (sumber : Bank Negara Malaysia).

Tahun 2010 menyaksikan penguasaan pasaran bon korporat utama yang agak suram. Pemindahan daripada pendanaan pasaran bon kepada pinjaman korporat telah menyumbang kepada keadaan yang lemah bagi pasaran bon korporat utama. Bon jaminan kerajaan dan bon bertaraf AAA terus menguasai pasaran utama. Walau bagaimanapun, kecairan bon korporat adalah lebih tinggi di dalam pasaran sekunder sepanjang tahun berikut, dengan aktiviti pelaburan tertumpu terutamanya pada segmen yang selamat seperti syarikat berkaitan kerajaan dan bon bertaraf AAA. Keluk hasil bagi bon korporat mengalami penurunan sepanjang tahun tersebut, mengakibatkan peningkatan harga bon. Keuntungan telah dicapai bersandarkan kepada selera risiko pelabur dan kualiti kredit yang meningkat, disokong oleh pemulihan ekonomi

## Asia - Pasaran Ekuiti

Pasaran saham di luar Jepun mencapai keputungan yang memberangsangkan pada tahun 2010 akibat pemulihan ekonomi. Pada tahun 2010, indeks MSCI Timur Jauh di luar Jepun meningkat sebanyak 19.8% (dalam terma USD). Ekuiti Asia terus meningkat, terutamanya pada 2H2010 akibat peningkatan keyakinan para pelabur terhadap data ekonomi US yang positif walaupun mereka terus berwaspada terhadap kadar inflasi, dasar kadar faedah di China dan peningkatan hutang risiko negara-negara Eropah.

Semasa tempoh berkenaan, Presiden Amerika Obama mengumumkan pakej penurunan cukai komprehensif. Kenaikan gaji dan pemotongan cukai perniagaan di Amerika berkemungkinan akan merangsang pertumbuhan GDP sebanyak 0.6 - 0.8% pada tahun 2011. Tambahan pula, Rizab Persekutuan Amerika mengumumkan program "Quantitative Easing" kedua (QE2) untuk membeli tambahan USD600 bilion bagi sekuriti kerajaan jangka panjang sebelum berakhirnya 2Q2011, atau lebih kurang USD75 bilion sebulan. Langkah ini, bersama-sama dengan program QE Bank of Japan (JPY30 trilion atau USD 375 bilion) akan memperuntukkan tambahan USD1 trilion bagi suntikan kecairan kepada sistem kewangan global. Krisis Eropah yang meletus pada pertengahan 2010 menguji penyelesaian Suruhanjaya Eropah dan mengakibatkan beberapa negara Eropah memberi tumpuan kepada pengurangan defisit untuk membaikpulih kredibiliti Zon Eropah.

Sementara itu, beberapa ekonomi Asia di luar Jepun mengalami pemulihan GDP tahunan yang kukuh, disertai dengan tekanan inflasi yang meningkat. China, terutamanya, telah meningkatkan kadar faedahnya untuk kali kedua di dalam 4Q2010 untuk kedua-dua deposit dan kadar pinjaman, bermula pada bulan Oktober. Pihak berkuasa China telah mengumumkan pakej bagi tindakan untuk menentang inflasi, daripada kemungkinan menghadkan harga untuk "keperluan harian" kepada penjualan rizab negeri pada bulan November.

## Ulasan Dana Asia TriMax dan Dana Asia Jade

Nilai aset bersih (NAV) bagi Dana Asia TriMax telah meningkat daripada RM0.9823 kepada RM1.0072 untuk tahun kalendar 2010. Sektor Piala Dunia merupakan sektor terbaik pada Tahun 1 dengan pulangan 1.09% yang telah dikunci sebagai prestasi Tahun 1 untuk pengiraan pembayaran terakhir. Dalam tahun 2, sektor Pertanian telah menunjukkan peningkatan prestasi, dan merupakan sektor yang mempunyai prestasi lebih baik berbanding sektor Kewangan, purata prestasi Pertanian dalam tempoh 8 suku masih memberi pulangan sekitar -0.6%, yang akan dikunci sebagai prestasi Tahun 2. Sektor Kewangan menunjukkan purata prestasi kira-kira -14% selepas 8 suku, sebahagian besarnya disebabkan oleh Citibank Inc. dan Nomura Holdings Inc. Ini merupakan sektor yang terakhir dan purata prestasi sukuan daripada permulaan hingga matang (jumlah 12 suku) akan digunakan untuk mengunci prestasi Tahun 3. Jadi, ianya agak mencabar bagi sektor ini untuk membalikkan prestasi negatif yang telah direkodkan terdahulu. Walau bagaimanapun, pelabur perlu ingat bahawa Pembayaran Faedah Terakhir bagi Dana (jika ada) pada kematangan, akan dikira berdasarkan purata prestasi terkunci daripada Tahun 1, 2 dan 3, iaitu Piala Dunia (4 suku), Agribisnes (8 suku) dan Sektor Kewangan (12 suku) berdasarkan formula ganjaran, yang telah ditentukan oleh Ejen Pengiraan. Namun, modal Dana dilindungi sepenuhnya pada tempoh matang pelaburan tersebut, jadi ianya mempertahankan pelaburan modal para pelabur berbanding dengan dana saham bagi pelaburan ekuiti langsung.

Pada tahun kalendar 2010, nilai aset bersih (NAV) bagi Dana Asia Jade meningkat daripada RMO.9637 kepada RMO.9924. Ketika matang, pelabur akan menerima modal yang dilaburkan, dengan pulangan akhir pelaburan berdasarkan prestasi sebenar saham mengikut tinjauan-tinjauan masing-masing yang dibuat setiap suku dan formula ganjaran, yang telah ditentukan oleh Ejen Pengiraan. Pelaburan tersebut datang bersama Kupon "Head Start" di mana selagi Saham paling merosot pada mana-mana Tarikh Penilaian tidak akan turun melebihi paras asal, produk tersebut memberi pulangan kupon minimum 25% ketika matang. Sebaliknya, prestasi negatif bagi saham dengan prestasi paling merosot akan menghakis kupon "Head Start" sebanyak 25%. Sejak pemulaan pada bulan Julai 2009, prestasi paling ketinggalan yang berlaku pada bulan Julai 2010 adalah China Railway Group dengan prestasi kira-kira -16%, yang mana akan menghakis kupon "Head Start" ketika matang, tertakluk kepada pemerhatian masa depan yang tidak lebih merosot daripada itu. Tambahan pula, Dana ini juga berpotensi memberi pulangan Kupon Bonus sebanyak 10% jika semua Saham ditutup di atas nilai asal pada Hari Penilaian Terakhir. Prospek bagi sektor infrastruktur China kekal disokong baik dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi berterusan, walaupun pada tahap sederhana. Bagi China Railway Group, arahan baru sepatutnya terus menjadi kukuh bersandarkan kepada

perbelanjaan tinggi bagi jalan kereta api di dalam Pelan Lima Tahun Ke-12 (2011-2015) sebanyak RMB 3-4 trilion. Walaupun Syarikat mengalami tekanan kos kerana peningkatan kos bahan mentah dan buruh, tekanan berkenaan telah jatuh ke paras paling rendah sementara arahan baru kekal kukuh, maka menghadkan potensi bagi risiko kejatuhan (Sumber: HSBC Global Research 9 Disember 2009). Prospek pertumbuhan CNOOC kekal positif dengan potensi pendapatan menaik daripada harga minyak yang kukuh. Syarikat juga mempunyai sumber kewangan yang memadai dengan kapasiti penjana tunai sebanyak USD 15 bilion setahun, dan baki tunai sedia ada adalah USD 3 bilion (Sumber: HSBC Global Research 27 Januari 2011). Buat masa ini, China Mobile merupakan operator paling kukuh di China dan merupakan operator tanpa wayar paling dominan di dunia, menguasai 80% daripada aliran tunai berdasarkan langganan daripada 500 juta pelanggan. Syarikat juga mempunyai kedudukan yang baik daripada tiga syarikat telekomunikasi China dalam sektor tanpa wayar, menggambarkan jenama yang kukuh, simpanan stok tunai bersih penting dan mendominasi segmen kontrak canggih pelanggan (Sumber: HSBC Global Research 12 November 2010). Prospek positif memberikan risiko penjatuhan terhad bagi harga saham berkaitan.



# Prospek Pelaburan

## Malaysia - Pasaran Ekuiti

Polisi kewangan G3 yang amat akomodatif digabungkan dengan pertumbuhan ekonomi global yang tidak seimbang, telah menjurus ke arah peningkatan kecairan di rantau ini. Pasaran negara kita berada pada kedudukan baik untuk memanfaatkan daripada keadaan sebegini. Risikonya adalah ini bukan merupakan perdagangan satu hala. Pembalikan - yang boleh menjadi besar-besaran dan laju boleh berlaku bila selera risiko global jatuh atau kos kecairan meningkat. Walau bagaimanapun, menghakimi daripada persekitaran makro yang bercapuk-capuk di Amerika dan maka jangkaan bagi polisi ransangan berterusan, aliran kecairan ke dalam negara kita berkemungkinan besar akan berterusan sehingga 1H2011. Ini merupakan pandangan kebanyakan orang juga. Sedangkan beberapa pihak berasa kurang senang terhadap pandangan ini, masalah utama ialah mengambil pandangan yang bertentangan sekarang.

Secara domestik - Ringgit yang lebih kukuh, pemilikan asing yang rendah, latar belakang makro yang lebih stabil dengan penilaian munasabah, serta berita berkenaan pilihanraya merupakan pemacu utama pasaran kita. Jangkaan bagi peningkatan nilai Ringgit dan pemilikan rendah pasaran oleh pelabur asing akan meningkatkan minat pelabur asing terhadap Malaysia. Sebagai contoh di pasaran TIP pada tahun 2010, kesan aliran masuk ke pasaran yang kecil boleh menjadi sangat penting bagi negara-negara tersebut. Risikonya adalah aliran masuk tersebut terus bergerak kepada MGS dan bukannya ekuiti. Walau bagaimanapun, pembelian asing yang telah menunjukkan aliran masuk bersih ke Bursa bagi lapan bulan berturut-turut telah menjadi semakin kukuh.

Perlaksanaan agenda pembaharuan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib telah menjadi pemangkin utama bagi penarafan semula pasaran. Pemangkin yang perlu diperhatikan adalah pelaksanaan agenda pembaharuan Perdana Menteri. Tanpa menghiraukan sama ada akan berlakunya pilihanraya umum pada tahun 2011, jangkaan tentang aliran berita positif dan pelaksanaan program transformasi sehingga tibanya pilihanraya umum ke-13 akan mengukuhkan sentimen pasaran. Apa-apa keputusan ketara yang dicapai, yang mana jangkaan adalah rendah secara amnya, akan memberi kesan yang positif kepada para pelabur. Secara amnya, perubahan tersebut akan mengakibatkan pertumbuhan permintaan domestik yang lebih tinggi dan akan menyebabkan pengkajian semula pendapatan korporat-korporat secara positif.

Secara keseluruhan, KLCI berkemungkinan akan meningkat lagi, tetapi kemaruapan akan kekal tinggi, kerana aliran modal adalah sangat terdedah kepada perubahan penilaian risiko pelabur. Maka, strategi kami adalah untuk mencari syarikat yang telah membuktikan daya tahan mereka di dalam pasaran yang tidak menentu.

## Malaysia - Pasaran Bon

Dengan inflasi yang dijangkakan akan kekal di antara paras 2.0-3.0% pada tahun 2011 dan persekitaran ekonomi luaran yang tidak menentu, Bank Negara berkemungkinan akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada paras semasa iaitu 2.75% sekurang-kurangnya pada 1H2011. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat petunjuk yang lebih jelas bahawa momentum pertumbuhan ekonomi domestik boleh dikekalkan, kami menjangka Bank Negara akan menormalkan OPR, meskipun pada tahap berwaspada pada 2H2011. Ini mungkin memberi kesan negatif kepada keluk hasil kerana kadar hasil jangka pendek akan meningkat.

Kami meramalkan dua tema utama yang akan memberi kesan kepada permintaan dan pembekalan bon kerajaan pada tahun 2011, iaitu isu pembekalan yang wujud daripada defisit kewangan: dan aliran masuk dana asing yang berterusan ke Asia, termasuk Malaysia, bersandarkan kepada persekitaran kadar faedah yang rendah di negara-negara G3 dan matawang tempatan yang kukuh.

Berdasarkan kepada kalendar lelongan Bank Negara 2011 bagi sekuriti kerajaan, terdapat sejumlah 21 tender dan 8 penempatan persendirian berbanding dengan 17 tender dan 2 penempatan persendirian pada tahun 2010. Kalendar lelongan 2011 juga menunjukkan kepada lebih banyak pengeluaran bon berjangka panjang pada 1H2011. Perkaranya ini, digabungkan dengan jangkaan bagi kadar faedah yang dinormalkan pada 2H2011, mungkin menyebabkan kenaikan keluk hasil, sejurusnya mengurangkan harga bon.

Walaupun bagaimanapun, dengan perbezaan kadar faedah dan kesan program “Quantitative Easing” 2 yang melibatkan pembelian bon oleh kerajaan Amerika bernilai USD600 bilion sehingga bulan Jun 2011, kami menjangka dana asing akan terus mengalir masuk ke Asia pada tahun 2011 untuk melabur di aset yang memberi pulangan yang lebih tinggi memandangkan kadar faedah G3 yang rendah, walaupun kadar aliran masuk mungkin lebih perlahan daripada tahun 2010. Ini boleh mengurangkan kecuraman keluk hasil. Secara keseluruhan, kami berpendapat kenaikan keluk hasil akan memberi tekanan kepada harga bon.

Selepas mengalami pasaran bon korporat utama yang suram pada tahun 2010, kami menjangkakan bekalan yang lebih besar bagi bon korporat pada tahun 2011. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa projek yang diumumkan dalam Pelan Malaysia Ke-10, Bajet 2011 dan Program Transformasi Ekonomi, di mana sebahagian besarnya dijangka akan ditanggung oleh dana hutang kerana skalanya yang besar. Kami menjangka pengeluaran bon tersebut akan berlaku pada 2H2011. Walaupun bekalan bon dijangka akan meningkat pada tahun 2011 dan kemungkinan kadar faedah dinormalkan pada 2H2011, kami menjangkakan permintaan akan kekal baik disokong oleh pelabur yang mencari peningkatan hasil, selera risiko yang lebih baik dan dasar kredit yang meningkat.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus mencari bon korporat yang memberikan hasil yang lebih menarik tanpa mengeneipkan kualiti kredit.

### Asia - Pasaran Ekuiti

Dana Kewangan Antarabangsa menjangkakan pertumbuhan GDP global akan meningkat kira-kira 4.4% pada tahun 2011, sebahagiannya ekoran daripada pakej pengurangan cukai Amerika yang agresif - ini masih melebihi corak kadar pertumbuhan sebanyak 3.0% setahun bagi GDP global dari 1980 hingga 2003. Pengetatan fiskal di Eropah untuk mengurangkan defisit fiskalnya menjelang 2013 akan memperlahankan prospek pertumbuhan sehingga 2013. Sementara Zon Eropah terus memfokus kepada pengurangan defisit untuk memulihkan kredibilitinya, Amerika dan Jepun akan memfokus kepada polisi untuk menghidupkan semula pertumbuhan. GDP Amerika dijangka akan berkembang 3.0% pada tahun 2011 berbanding dengan 2.8% pada tahun lalu disebabkan oleh langkah-langkah perangsangan agresif.

Perkara ini, bersama-sama dengan konteks program QE Jepun, akan menyumbang hampir USD1 trilion bagi kecairan tambahan secara global. Kami menjangka kadar faedah di negara maju akan kekal pada tahap rendah di mana ekuiti akan terus meningkat bersandarkan kecairan yang tinggi, pertumbuhan pendapatan korporat yang tinggi, dan juga penilaian ekuiti yang menarik.

Rantau Asia di luar Jepun dijangkakan akan bertumbuh kira-kira 7.0% setahun di antara 2011 hingga 2013, sebahagian besarnya didorong oleh permintaan dalaman. Kebanyakan negara Asia di luar Jepun, kecuali India, mempunyai kunci kira-kira fiskal yang baik dengan ruang untuk rangsangan fiskal pada masa kejutan luaran daripada ekonomi maju. Pendapatan korporat di Asia di luar Jepun berkemungkinan akan mencatat pertumbuhan kira-kira 40% pada tahun 2010, disokong oleh pertumbuhan tinggi dan kos modal yang rendah manakala kos bahan mentah akan menjadi factor penentuan bagi kadar keuntungan.

Nisbah Harga-Pendapatan bagi pasaran Asia sekarang adalah sekitar 13 kali (menggunakan EPS 2011), di mana ianya 24% lebih rendah daripada purata dalam sejarah sebanyak 12 kali untuk tempoh dua puluh tahun yang lalu. Tambahan pula, ruang hasil di antara hasil ekuiti Asia (merancang 12 bulan ke hadapan) dengan hasil semasa perbendaharaan Amerika 10 tahun ialah 4.3% berbanding dengan purata 2.0% sepanjang dua puluh tahun yang lalu. Jadi, ekuiti merupakan kelas aset yang berkemungkinan kekal menarik jika dibandingkan dengan bon.

Kami kekal positif terhadap prospek pasaran Asia yang bersandarkan pertumbuhan pendapatan korporat yang teguh, aliran portfolio asing yang kukuh, penilaian yang menarik serta kunci kira-kira korporat yang baik. Kami akan terus mencari peluang di dalam badan korporat yang mempunyai pertumbuhan pendapatan yang teguh, pada penilaian yang menarik dan daya tahan yang telah terbukti semasa keadaan pasaran yang tidak menentu.

# Dana Asia Jade

## Objektif Dana


Dana ini memberi peluang untuk menyertai pergerakan positif di dalam saham-saham asas yang juga memberi peluang kepada pemegang polisi untuk meningkatkan pulangan pelaburan dengan faedah tambahan perlindungan asas sekiranya polisi disimpan sehingga matang.

## Prestasi Dana

	NAB
12/31/2010	0.9924
12/31/2009	0.9637
Prestasi	2.98%

Pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih seunit Dana Asia Jade ("ASJF") meningkat ke RM0.9924 daripada RM0.9637 pada akhir tahun 31 December 2009, mencatatkan keuntungan sebanyak 2.98% bagi tahun yang ditinjau.

Sejak pelancaran pada 06 July 2009, ASJF mencatatkan kerugian sebanyak 0.76%.



Dana	Rekod Prestasi 01 Jan 2010 - 31 Dis 2010	
	Harga Tertinggi RM	Harga Terendah RM
Dana Asia Jade	1.0072	0.9643

Dana	Rekod Perbandingan Prestasi Harga Seunit RM	
	31-Dis-10	31-Dis-09
Dana Asia Jade	0.9924	0.9637

## Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010

Dana pada 31 Disember 2010	Tarikh Matang	Unit Pegangan	Kos	Nilai Pasaran	% Nilai Pasaran NAB
HSBC Bank Malaysia Berhad Pelaburan Berstruktur Bertempoh 3.75 Tahun Dengan Modal Terlindung	11.04.2013	38,086,620	38,086,620	37,770,501	99.93%
<b>Jumlah</b>		<b>38,086,620</b>	<b>38,086,620</b>	<b>37,770,501</b>	<b>99.93%</b>

## Jadual Perbandingan Prestasi

	31-Dis-10	31-Dis-09
<b>Dana</b>		
HSBC Bank Malaysia Berhad	37,770,501	36,827,822
<b>Jumlah Dana Berkaitan Pelaburan</b>	<b>37,770,501</b>	<b>36,827,822</b>
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>37,795,803</b>	<b>36,948,984</b>
Jumlah Unit	38,086,620	38,342,345
NAB seunit	0.9924	0.9637
NAB tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	1.0072	1.0000
NAB terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.9643	0.9435
Jumlah Pulangan Tahunan:		
a) Pertumbuhan Modal	2.98	(3.63)
b) Pengagihan Pendapatan	Tiada	Tiada
Purata Pulangan Tahunan:		
a) Satu tahun	2.98	Tiada
b) Tiga tahun	Tiada	Tiada
c) Lima tahun	Tiada	Tiada
Prestasi ukur rujuk	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan

# Dana Asia Orient

## Objektif Dana


Bertujuan untuk mencapai pulangan modal jangka sederhana dan panjang dengan melabur skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti seperti ekuiti dan bon sambungan, sama ada yang tersenarai atau tidak tersenarai daripada pasaran ekuiti Asia (bukan Jepun).

## Prestasi Dana

	NAB
12/31/2010	1.1328
12/31/2009	1.0836
Prestasi	4.54%

Pada 31 December 2010, Nilai Aset Bersih seunit Dana Asia Orient ("AOF") meningkat ke RM1.1328 daripada RM1.0836 pada akhir tahun 31 December 2009, mencatatkan keuntungan sebanyak 4.54% bagi tahun yang ditinjau.

Sejak pelancaran pada 02 November 2009, AOF mencatatkan keuntungan sebanyak 13.28%.




Dana	Rekod Prestasi 01 Jan 2010 - 31 Dis 2010	
	Harga Tertinggi RM	Harga Seunit Harga Terendah RM
Dana Asia Orient	1.1488	0.9489


Dana	Rekod Perbandingan Prestasi Harga Seunit RM	
	31-Dis-10	31-Dis-09
Dana Asia Orient	1.1328	1.0836

Pelaburan Mengikuti Jenis Aset


Kandungan Portfolio Dana Asia Orient pada 31 Desember 2010



Peruntukan Aset Dana Tokio Marine mengikut Negara pada 31 Desember 2010



Peruntukan Aset Dana Tokio Marine mengikut Sektor pada 31 Desember 2010



**Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010**

<b>Dana pada 31 Disember 2010</b>	<b>Unit Pegangan</b>	<b>Kos</b>	<b>Nilai Pasaran</b>	<b>% Nilai Pasaran NAB</b>
<b>Amanah saham tidak disebut harga</b>				
Dana Tokio Marine	8,618.8736	13,640,469	15,054,422	96.21%
<b>Jumlah</b>	<b>8,618.8736</b>	<b>13,640,469</b>	<b>15,054,422</b>	<b>96.21%</b>

**Jadual Perbandingan Prestasi**

	<b>31-Dis-10</b>	<b>31-Dis-09</b>
<b>Dana</b>		
Dana Tokio Marine	15,054,422	5,397,164
<b>Jumlah Dana Berkaitan Pelaburan</b>	<b>15,054,422</b>	<b>5,397,164</b>
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>15,647,665</b>	<b>6,039,144</b>
Jumlah Unit	13,813,299	5,573,405
NAB seunit	1.1328	1.0836
NAB tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	1.1488	1.0836
NAB terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.9489	0.9998
Jumlah Pulangan Tahunan:		
a) Pertumbuhan Modal	4.54	8.36
b) Pengagihan Pendapatan	Tiada	Tiada
Purata Pulangan Tahunan:		
a) Satu tahun	4.54	Tiada
b) Tiga tahun	Tiada	Tiada
c) Lima tahun	Tiada	Tiada
Indeks MSCI Semua Negara Timur Jauh di Luar Jepun	7.61	8.09

# Dana Asia TriMax

## Objektif Dana


Bertujuan untuk memelihara modal pelabur dan berpotensi untuk menyumbangkan penambahan pulangan dengan menyertai di dalam saham "positive movements" yang berdasarkan kepada "3 Sector Baskets" yang menyediakan penilaian tetap tahunan.

## Prestasi Dana

	NAB
12/31/2010	1.0072
12/31/2009	0.9823
Prestasi	2.53%

Pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih seunit Dana Asia TriMax ("ATMF") meningkat ke RM1.0072 daripada RM0.9823 pada akhir tahun 31 December 2009, mencatatkan keuntungan sebanyak 2.53% bagi tahun yang ditinjau.

Sejak pelancaran pada 04 November 2008, ATMF mencatatkan keuntungan sebanyak 0.72%.



Dana	Rekod Prestasi 01 Jan 2010 - 31 Dis 2010	
	Harga Tertinggi RM	Harga Terendah RM
Dana Asia TriMax	1.0072	0.9842

Dana	Rekod Perbandingan Prestasi Harga Seunit RM		
	31-Dis-10	31-Dis-09	31-Dis-08
Dana Asia TriMax	1.0072	0.9823	0.9660



## Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010

Dana pada 31 Disember 2010	Tarikh Matang	Unit Pegangan	Kos	Nilai Pasaran	% Nilai Pasaran NAB
HSBC Bank Malaysia Berhad Pelaburan Berstruktur Bertempoh 3 Tahun Dengan Modal Terlindung	10.11.2011	40,100,575	40,100,575	40,413,359	100.06%
<b>Jumlah</b>		<b>40,100,575</b>	<b>40,100,575</b>	<b>40,413,359</b>	<b>100.06%</b>

## Jadual Perbandingan Prestasi

	31-Dec-10	31-Dec-09	31-Dec-08
<b>Dana</b>			
HSBC Bank Malaysia Berhad	40,413,359	39,875,812	39,653,947
<b>Jumlah Dana Berkaitan Pelaburan</b>	<b>40,413,359</b>	<b>39,875,812</b>	<b>39,653,947</b>
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>40,388,367</b>	<b>39,938,276</b>	<b>39,775,832</b>
Jumlah Unit	40,100,575	40,656,415	41,177,515
NAB seunit	1.0072	0.9823	0.9660
NAB tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	1.0072	0.9849	1.0000
NAB terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.9842	0.9652	0.9637
Jumlah Pulangan Tahunan:			
a) Pertumbuhan Modal	2.53	1.69	(3.40)
b) Pengagihan Pendapatan	Tiada	Tiada	Tiada
Purata Pulangan Tahunan:			
a) Satu tahun	2.53	1.69	Tiada
b) Tiga tahun	Tiada	Tiada	Tiada
c) Lima tahun	Tiada	Tiada	Tiada
Prestasi ukur rujuk	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan

# Dana AsiaPartner Enterprise

## Objektif Dana


Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang tersenarai di Bursa Malaysia dan bursa saham asing.

## Prestasi Dana

	NAB
12/31/2010	1.9076
12/31/2009	1.5866
Prestasi	20.23%

Pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih seunit Dana AsiaPartner Enterprise ("APEF") meningkat ke RM1.9076 daripada RM1.5866 pada akhir tahun 2009, mencatatkan keuntungan sebanyak 20.23% bagi tahun yang ditinjau.

Sejak pelancaran pada 06 Januari 2004, APEF mencatatkan keuntungan sebanyak 90.76%.




Dana	Rekod Prestasi 01 Jan 2010 - 31 Dis 2010 Harga Seunit	
	Harga Tertinggi RM	Harga Terendah RM
Dana AsiaPartner Enterprise	1.9125	1.5362

	Rekod Perbandingan Prestasi Harga Seunit RM				
	31-Dis-10	31-Dis-09	31-Dis-08	31-Dis-07	31-Dis-06
Dana AsiaPartner Enterprise	1.9076	1.5866	1.1676	1.7109	1.2645

## Pelaburan Mengikut Jenis Aset

Portfolio Dana AsiaPartner Enterprise pada 31 Disember 2010



## Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010

Ekuiti pada 31 Disember 2010	Unit Pegangan	Kos	Nilai Pasaran	% Nilai Pasaran NAB
<b>Pembinaan Disebuttharga</b>				
Gamuda Berhad	160,000	419,285	609,600	1.34%
IJM Corporation Bhd	145,000	521,171	936,700	2.06%
Malaysian Resources Corporation Bhd	150,000	245,405	307,500	0.68%
Sunway Holdings Berhad	180,000	273,186	401,400	0.88%
WCT Bhd	100,000	267,937	319,000	0.70%
YTL Corporation Bhd	85,160	562,616	715,344	1.57%
	<b>820,160</b>	<b>2,289,600</b>	<b>3,289,544</b>	<b>7.23%</b>
<b>Barangan Pengguna Disebuttharga</b>				
British American Tobacco (M) Bhd	10,000	464,764	449,400	0.99%
PPB Group Bhd	50,000	420,954	863,000	1.90%
UMW Holdings Bhd	51,000	286,063	358,020	0.78%
	<b>111,000</b>	<b>1,171,781</b>	<b>1,670,420</b>	<b>3.67%</b>
<b>Kewangan Disebuttharga</b>				
Alliance Financial Group Bhd	180,000	536,283	547,200	1.20%
AMMB Holdings Bhd	180,000	563,844	1,258,200	2.77%
CIMB Group Holdings Bhd	475,000	1,898,386	4,032,750	8.87%
Hong Leong Bank Bhd	55,000	315,129	506,000	1.11%
Malayan Banking Bhd	475,000	3,158,192	4,032,750	8.87%
Public Bank Bhd	310,000	2,559,320	4,023,800	8.84%
RHB Capital Bhd	61,000	264,792	527,650	1.16%
	<b>1,736,000</b>	<b>9,295,946</b>	<b>14,928,350</b>	<b>32.82%</b>
<b>Barangan Industri Disebuttharga</b>				
Petronas Chemicals Group Bhd	200,000	1,080,260	1,102,000	2.42%
Petronas Gas Bhd	10,000	100,999	111,000	0.25%
	<b>210,000</b>	<b>1,181,259</b>	<b>1,213,000</b>	<b>2.67%</b>
<b>Infrastruktur Disebuttharga</b>				
Digi.Com Bhd	48,000	996,244	1,180,800	2.60%
YTL Power International Bhd	265,000	526,500	646,600	1.42%
	<b>313,000</b>	<b>1,522,744</b>	<b>1,827,400</b>	<b>4.02%</b>

**Butir-butir Pelaburan pada 31 Disember 2010** (samb.)

<b>Ekuiti pada 31 Disember 2010</b>	<b>Unit Pegangan</b>	<b>Kos</b>	<b>Nilai Pasaran</b>	<b>% Nilai Pasaran NAB</b>
